

**Kerja mengecat
pula biasanya
menggunakan cat
bermutu tinggi
yang mampu
mengekalkan
mural sehingga
sekarang -kurang
10 tahun, namun
perlu melakukan
penyelenggaraan
sekarang-
kurangnya setiap
tiga tahun sekali**

ZAKIR AMIR

melukis potret di Pasar Seni, Kuala Lumpur dan kini sudah 12 tahun mempunyai pengalaman melukis mural," katanya.

Menurutnya, dia tidak belajar melukis secara formal di mana-mana kolej sebaliknya belajar sendiri berikutan ahli keluarganya ramai terabit dalam seni berkenaan.

"Selain melukis mural di Kuala Klawang, saya bersama rakan-rakan pernah melukis mural di Seremban, Rembau, Nilai dan di Pahang.

"Cabaran dihadapi ketika melukis mural adalah keadaan struktur bangunan atau dinding lama yang tidak kuat, dinding tidak rata (berlekuk) dan rosak terutama dinding yang berada di bahagian luar berikutan terdedah kepada cuaca," katanya.

Akuinya, cabaran paling besar apabila diberi tanggungjawab melukis mural pada bangunan tinggi atau lebih setingkat kerana faktor keselamatan turut diambil kira.

Mengulas lanjut, Zakir Amir berkata, lukisan mural di Kuala Klawang mengambil masa dua minggu untuk disiapkan berikutan keadaan bangunan selain hujan.

Lukisan mural di Kuala Klawang itu menyetengahkan identiti biodiversiti, ekopelancongan, adat dan budaya daerah ini yang diharap mampu menjadikan tarikan pengunjung.

Yang Dipertua Majlis Daerah Jelevu Abdul Rahim

A Aziz berkata, lukisan mural berkenaan antara program di bawah Local Agenda 21 melalui Program Mural dan Street Art Kuala Klawang.

Katanya, ia bertujuan untuk mencantikkan dan mengimarahkan lagi bandar Kuala Klawang melalui lukisan mural.

"Lukisan itu memaparkan keunikan dan keistimewaan yang ada di Jelevu dengan pelbagai flora dan fauna, jeram dan sungai yang masih terpelihara keadaan semula jadinya serta pelbagai aktiviti tradisional seperti mengemping padi yang masih diamalkan.


"Bagi mewakili keunikan dan pelbagai keistimewaan yang ada di Jelevu ini maka terhasil Mural Pesona Jelevu dan berharap ia menjadi daya tarikan baharu di Kuala Klawang ini," katanya.

Abdul Rahim berkata, MDJ mendapatkan Khidmat Persatuan Pelukis Negeri Sembilan selain pegawai dan kakitangan MDJ bagi menghasilkan lukisan mural dengan kos RM18,000.

Katanya, lokasi lukisan mural itu juga berada di lokasi strategik dan MDJ memilih lokasi itu kerana akan memberi impak daripada penggunaan jalan raya yang melalui jalan berkenaan.

"Kawasan mural itu mempunyai laluan pejalan kaki, sekali gus tidak mengganggu kelancaran trafik di lokasi itu.

"MDJ akan menambah lagi lukisan mural pada masa akan datang dengan tema berlainan, namun



ZAKIR Amir melukis mural di Kuala Klawang.

masih menonjolkan identiti Jelevu seperti warisan, bukit bukau dan aktiviti yang dijalankan di daerah ini," katanya.

Abd Rahim berkata, selain Program Mural dan Street Art Kuala Klawang,

program pembersihan dan pengindahan Wording Monumen, pengindahan Bukit Tajali dan pengindahan Dataran Simpang Pertang antara yang dilaksanakan menerusi Local Agenda 21.

Ia menerusi peruntukan dari Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selain membatikan agensi kerajaan di Jelevu, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



LUKISAN mural di Kuala Klawang menyetengahkan adat dan budaya daerah Jelevu.